



KPKT

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN INOVASI KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

#MerealisasikanInovasiKPKT

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGENALAN 1.1 TUJUAN 1.2 SEGMENTASI 1.3 PERTANDINGAN INOVASI 1.4 OBJEKTIF PERTANDINGAN INOVASI 1.5 MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI KPKT 1.6 MAKLUMAT PERHUBUNGAN	4-5
SEKSYEN A: PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KPKT		
1.	1.1 TUJUAN 1.2 OBJEKTIF	7
2.	INFORMASI KIK 2.1 BIDANG DAN KATEGORI PROJEK KIK 2.2 KRITERIA PROJEK KIK 2.3 PEMBENTUKAN KUMPULAN 2.4 KOMPONEN KIK	8 – 14
3.	SYARAT-SYARAT PENYERTAAN 3.1 SYARAT UMUM 3.2 SYARAT KHUSUS (KATEGORI BAHAGIAN/ UNIT DI BAWAH KPKT) 3.3 SYARAT KHUSUS (KATEGORI JABATAN/ AGENSI)	15 – 16
4.	TATACARA PENYERTAAN	17
5.	PENOLAKAN PENYERTAAN	18
6.	PENILAIAN PENJURIAN 6.1 KRITERIA PELANTIKAN PANEL HAKIM 6.2 KRITERIA PENILAIAN PROJEK 6.3 KRITERIA PEMBENTANGAN PROJEK	19 - 21
7.	PENGIKTIRAFAN	22

SEKSYEN B: PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI MENTERI KPKT

1.	1.1 TUJUAN 1.2 OBJEKTIF	24
2.	INFORMASI AIM	25
3.	SYARAT-SYARAT PENYERTAAN	26
4.	TATACARA PENYERTAAN	27
5.	PENOLAKAN PENYERTAAN	28
6.	PENILAIAN PENJURIAN 6.1 KRITERIA PELANTIKAN PANEL HAKIM 6.2 KRITERIA PENILAIAN PROJEK AIM KPKT 6.3 KRITERIA PEMBENTANGAN PROJEK AIM KPKT	29 - 31
7.	PENGIKTIRAFAN	32

SEKSYEN C: PENGEMBANGAN PROJEK INOVASI

1.	1.1 KRITERIA PERMOHONAN 1.2 JAWATANKUASA SANDBOX KPKT	34 - 38
SENARAI LAMPIRAN LAMPIRAN A1 - Borang Penyertaan Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif KPKT (Kategori Bahagian/ Unit di bawah KPKT) LAMPIRAN A2 - Borang Penyertaan Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif KPKT (Kategori Jabatan/ Agensi) LAMPIRAN A3- Borang Penyertaan Pertandingan Anugerah Inovasi Menteri KPKT LAMPIRAN B1 – Format Dokumentasi Projek KIK LAMPIRAN B2 – Format Dokumentasi Projek AIM KPKT LAMPIRAN C1 – Kriteria dan Wajaran Penilaian Projek KIK LAMPIRAN C2 - Kriteria dan Wajaran Penilaian Projek AIM KPKT LAMPIRAN C3- Kriteria Permohonan Jawatankuasa Sandbox KPKT		39

PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan memaklumkan Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengenai pertandingan inovasi yang dilaksanakan di KPKT meliputi konsep, mekanisme pelaksanaan dan pengembangan projek inovasi selepas pertandingan.

1.2 SEGMENTASI

Garis Panduan ini disediakan mengikut segmentasi seperti berikut:

- i. Seksyen A: Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) KPKT;
- ii. Seksyen B: Pertandingan Anugerah Inovasi Menteri (AIM) KPKT;
- iii. Seksyen C: Pengembangan projek inovasi; dan
- iv. Senarai Lampiran.

1.3 PERTANDINGAN INOVASI

Pertandingan inovasi di KPKT akan melibatkan semua Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah KPKT bagi menggalakkan warga mengenalpasti sebarang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan keberhasilan dan kualiti penyampaian perkhidmatan Kementerian. Sebanyak tiga (3) kategori dipertandingkan, iaitu:

- i. Pertandingan KIK KPKT Kategori Bahagian/ Unit (Seksyen A);
- ii. Pertandingan KIK KPKT Kategori Jabatan/ Agensi (Seksyen A); dan
- iii. Pertandingan AIM KPKT (Seksyen B).

1.4 OBJEKTIF PERTANDINGAN INOVASI

Objektif utama pertandingan inovasi ialah untuk menggalakkan pembudayaan inovasi dalam kalangan warga KPKT, bersama-sama tiga (3) objektif khusus iaitu:

- i. Menggalakkan warga KPKT untuk terus kreatif dan aktif memikirkan idea-idea inovasi bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan;
- ii. Menggalakkan lebih banyak penyertaan dari peringkat Bahagian/ Jabatan/ Agensi dalam pertandingan yang dianjurkan; dan
- iii. Mengiktiraf hasil inovasi warga KPKT yang terbaik dan berpotensi untuk diperkembangkan.

1.5 MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI KPKT

Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT (HIKPKT) adalah acara tahunan yang dilaksanakan bertujuan **mengiktiraf idea-idea kreatif dan inovatif** warga KPKT dari semua Bahagian/ Jabatan/ Agensi. Ia juga sebagai satu **platform perkongsian pengetahuan dan kolaborasi** antara kumpulan inovasi dan agensi melalui aktiviti-aktiviti lain yang diadakan seperti forum, reruai pameran dan sebagainya.

Ia merupakan **acara penutup bagi semua aktiviti inovasi yang dijalankan setiap Bahagian/ Jabatan/ Agensi pada tahun semasa** dan dilaksanakan berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP 5.3 – Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi**.

Seiring dengan itu, Bahagian/ Jabatan/ Agensi hendaklah melaksanakan Majlis Sambutan Hari Inovasi di peringkat masing-masing **sebelum tarikh pelaksanaan majlis di peringkat KPKT dan memastikan pematuhan** kepada peraturan yang ditetapkan di dalam PP WP 5.3.

Pengiktirafan tertinggi yang dianugerahkan di dalam Majlis Sambutan Hari Inovasi KPKT adalah **Anugerah Inovasi Menteri KPKT** sebagai mengiktiraf hasil inovasi berimpak tinggi yang dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan KPKT kepada masyarakat.

1.7 MAKLUMAT PERHUBUNGAN

Sebarang pertanyaan / cadangan penambahbaikan kepada garis panduan ini boleh merujuk kepada:

Unit Inovasi
Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 5, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
No.Tel: 03-8891 3665 / 3569 / 3583
Emel: inovasi@kpkt.gov.my
#merealisasilnovasiKPKT

SEKSYEN A

PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

1.1 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk:

- i. Memberikan ringkasan informasi mengenai KIK seperti mana terkandung di dalam **Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2016 (PTPA Bil.1 /2016) – “Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)”**; dan
- ii. Menjelaskan tatacara penyertaan, penilaian dan pengiktirafan bagi pertandingan KIK di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

1.2 OBJEKTIF

- i. Memberi pendedahan kepada Bahagian/ Jabatan/ Agensi mengenai pelaksanaan KIK sebagai satu mekanisme pembudayaan inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan proses kerja yang dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan;
- ii. Menyuntik budaya pemikiran kreatif dan konsep *knowledge-based* bagi membolehkan Bahagian/ Jabatan/ Agensi mencipta pembaharuan dan penambahbaikan produk atau perkhidmatan yang dapat memberi nilai tambah kepada organisasi;
- iii. Menggalakkan penghasilan *output* berkualiti melalui idea-idea yang kreatif dan inovatif supaya dapat dimanfaatkan secara meluas serta menjadi pemangkin terhadap pertumbuhan dan pengukuhan ekonomi negara;
- iv. Melazimi dan mengukuhkan amalan kerja berpasukan dan keharmonian antara warga kementerian;
- v. Mewujudkan platform yang dapat menggalakkan perkongsian pengetahuan dan kolaborasi antara kementerian, agensi sektor awam dan swasta sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa; dan
- vi. Mengiktiraf hasil KIK warga Bahagian/ Jabatan/ Agensi di KPKT.

BAB 2: INFORMASI KIK

2.1 BIDANG DAN KATEGORI PROJEK KIK

2.1.1 Inovasi Sosial

- i. Bidang inovasi sosial merangkumi **kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat** secara menyeluruh.
- ii. Fokus pelaksanaan inovasi sosial tidak hanya kepada pencapaian impak sosial semata-mata, malah memberikan penekanan kepada proses penglibatan rakyat dalam membangunkan sesuatu inovasi.
- iii. Ciri-ciri utama inovasi sosial adalah:
 - a) Pendekatan eksperimen yang berasaskan kepada bukti dan penemuan hasil pelaksanaan prototaip secara berulang untuk mendapatkan hasil yang terbaik;
 - b) Jalinan rangkaian yang menggalakkan kerjasama dan kolaborasi merentasi pelbagai sektor termasuk agensi awam, pihak swasta dan individu dalam masyarakat; dan
 - c) Pembangunan inisiatif baharu oleh agensi Kerajaan bersama-sama rakyat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang menepati keperluan sebenar mereka.

2.1.2 Inovasi Penyampaian Perkhidmatan

- i. Inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan **terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mencapai tahap transformasi penyampaian perkhidmatan Kerajaan.**
- ii. Inovasi ini bermatlamat untuk **meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan** ke arah penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan.
- iii. Inovasi yang dihasilkan perlu mempunyai **nilai tambah** serta berupaya **menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif, memperluas liputan perkhidmatan dan mudah diakses rakyat.**


iv. Idea-idea ini boleh merangkumi **penambahbaikan kepada sistem dan prosedur, kaedah dan cara bekerja** mahupun **pengenalan teknologi baharu** dalam pelbagai aspek, antaranya termasuklah:

- a) Pengurusan Strategik dan Kepimpinan Organisasi;
- b) Budaya Kerja;
- c) Kewangan dan Aset;
- d) Pengurusan Perhubungan Pelanggan;
- e) Pengurusan Sumber Manusia;
- f) Pengurusan Projek Pembangunan; dan
- g) Pembangunan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).


v. Ciri-ciri inovasi penyampaian perkhidmatan adalah:

- a) Memberi impak ketara dan positif kepada pelanggan;
- b) Meningkatkan kecekapan dan penggunaan sumber yang optimum dalam menangani kekangan sumber kewangan dan sumber manusia;
- c) Memanfaatkan keupayaan teknologi terkini; dan
- d) Memperkenalkan pendekatan penyampaian perkhidmatan baharu atau memantapkan kaedah semasa yang kurang berkesan.


INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN



Rajah 1: Kategori bagi Bidang Inovasi Sosial dan Contoh Projek Yang Dihasilkan



Rajah 2: Kategori bagi Bidang Inovasi Penyampaian Perkhidmatan dan Contoh Projek Yang Dihasilkan



Rajah 3: Bidang Inovasi dalam KIK, Kategori Inovasi dan Tahap Keberhasilan

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

2.2 KRITERIA PROJEK KIK

Lima (5) kriteria yang perlu diambil kira oleh KIK di peringkat awal penghasilan projek bagi memastikan projek yang dipilih berjaya dilaksanakan dan seterusnya berpotensi untuk dikembangkan ialah:

KREATIF DAN INOVATIF	Idea baharu yang kreatif diterjemahkan melalui penghasilan projek berinovatif yang memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan
IMPAK POSITIF YANG TINGGI DAN MENYELURUH	ORGANISASI - Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. PELANGGAN - Menepati standard perkhidmatan dan memenuhi ekspektasi pelanggan. RAKYAT - Memastikan keperluan sosial rakyat dipenuhi.
PULANGAN NILAI TERBAIK	• Penjimatan kos melalui pengoptimuman penggunaan sumber. • Penjana dan peningkatan pendapatan.
REPLIKASI	• Projek berpotensi diadaptasi secara terus atau diubah suai mengikut keperluan agensi. • Agenda replikasi perlu diambil kira pada peringkat penghasilan projek sebagai langkah awal pengembangan potensi projek.
PENG- KOMERSIALAN	• Penciptaan dan pencapaian nilai baharu kepada pelanggan di pasaran. • Projek berupaya bersaing di pasaran serta mampu menjana pendapatan. • Agenda pengkomersialan perlu diambil kira pada peringkat penghasilan projek sebagai langkah awal pengembangan potensi projek.

Rajah 4: Lima Kriteria Penghasilan Projek yang Berpotensi Untuk Dikembangkan

2.3 PEMBENTUKAN KUMPULAN

2.3.1 KIK Primer

Sekumpulan ahli yang terdiri daripada **sekurang-kurangnya dua (2) orang tetapi tidak melebihi sepuluh (10) orang** daripada **agensi yang sama** dan bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK yang terdiri daripada:

- a) Seorang Ketua Projek; dan
- b) Sembilan (9) orang Ahli Kumpulan.

2.3.2 KIK Hibrid

- a) Sekumpulan ahli terdiri daripada **dua (2) atau lebih agensi yang bersilang fungsi dan bekerjasama** untuk melaksanakan projek KIK Hibrid.
- b) Bilangan ahli tertakluk pada **skala, kos, kategori projek** dan **dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek**.

2.4 KOMPONEN KIK

2.4.1 KIK digalakkan untuk mewujudkan **identiti kumpulan tersendiri** seperti:

- a) Nama Kumpulan;
- b) Logo Kumpulan;
- c) Visi Kumpulan; dan
- d) Misi Kumpulan.

2.4.2 Fasilitator

Pelantikan fasilitator bergantung pada keperluan KIK. Unit Inovasi Bahagian/ Jabatan/ Agensi masing-masing boleh memberi khidmat sebagai fasilitator. Pelantikan fasilitator bukan suatu kemestian.

2.4.3 Ketua Kumpulan

Ketua kumpulan merupakan seorang daripada ahli KIK. Persetujuan bersama hendaklah dicapai ketika proses pemilihan ketua kumpulan agar tidak timbul sebarang isu yang boleh menjejaskan perkembangan kumpulan.

2.4.4 Ahli Kumpulan

- a) Keahlian KIK terbuka kepada semua anggota dalam organisasi. Bagi KIK Hibrid, keanggotaan kumpulan yang mewakili Bahagian/ Jabatan/ Agensi masing-masing hendaklah seimbang atau pada bilangan yang munasabah.
- b) Bahagian/ Jabatan/ Agensi yang terlibat dalam KIK Hibrid digalakkan untuk menyediakan suatu memorandum persefahaman secara bertulis bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara.

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

BAB 3: SYARAT- SYARAT PENYERTAAN

Pertandingan KIK KPKT dibahagikan kepada **dua (2) kategori**, iaitu:

- a) **Kategori Bahagian/ Unit:** terbuka kepada semua Bahagian/ Unit yang berada di bawah Pengurusan KPKT
- b) **Kategori Jabatan/ Agensi:** terbuka kepada semua Jabatan/ Agensi di bawah KPKT termasuk Jabatan/ Cawangan/ Unit di negeri.

Setiap penyertaan hendaklah **mematuhi syarat-syarat umum dan syarat-syarat khusus (mengikut kategori)** yang ditetapkan.

3.1 SYARAT-SYARAT UMUM

- 3.1.1 Penyertaan adalah dibuka kepada **KIK terbaik** daripada semua Bahagian/ Jabatan/ Agensi di bawah KPKT.
- 3.1.2 Projek KIK yang dikemukakan mestilah mempunyai **lima (5) kriteria** KIK iaitu **kreatif dan inovatif, impak positif yang tinggi dan menyeluruh, pulangan nilai terbaik, replikasi dan pengkomersilan.**
- 3.1.3 Setiap Bahagian/ Jabatan/ Agensi adalah **bebas** untuk mengemukakan penyertaan KIK sama ada **Primer** atau **Hibrid**. Penyertaan daripada kumpulan Primer atau Hibrid akan dipertandingkan bersekali di dalam kategori yang sama.
- 3.1.4 Setiap projek KIK mestilah **ciptaan asli peserta dan tidak meniru/ menciplak** daripada mana-mana projek/ hasil KIK lain.

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

3.2 SYARAT-SYARAT KHUSUS (KATEGORI BAHAGIAN/ UNIT DI BAWAH KPKT)

- 3.2.1 Setiap Bahagian/ Unit hendaklah mengemukakan **sekurang-kurangnya satu (1) penyertaan** projek KIK **terbaik** mewakili Bahagian/ Unit masing-masing.
- 3.2.2 Setiap penyertaan **hendaklah diselaraskan di peringkat Bahagian/ Unit** masing-masing.
- 3.2.3 **Ketua Bahagian/ Unit** bertanggungjawab untuk membuat **pengesahan** dan seterusnya **meluluskan** penyertaan tersebut **sebelum dikemukakan** kepada Urus Setia.
- 3.2.4 Setiap penyertaan hendaklah merupakan **projek terkini bagi tempoh tidak melebihi 24 bulan sebelum tarikh tutup penyertaan** yang telah selesai dan **diuji cuba sekurang-kurangnya satu (1) bulan**.

3.3 SYARAT-SYARAT KHUSUS (KATEGORI JABATAN/ AGENSI)

- 3.3.1 Setiap Jabatan/ Agensi hendaklah mengemukakan **sekurang-kurangnya satu (1) penyertaan** projek KIK **terbaik** mewakili Jabatan/ Agensi masing-masing.
- 3.3.2 Setiap penyertaan **hendaklah diselaraskan di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/ Agensi** masing-masing.
- 3.3.3 **Ketua Jabatan/ Agensi** bertanggungjawab untuk membuat **pengesahan** dan seterusnya **meluluskan** penyertaan tersebut **sebelum dikemukakan** kepada Urus Setia.
- 3.3.4 Setiap penyertaan hendaklah merupakan **projek terkini bagi tempoh tidak melebihi 24 bulan sebelum tarikh tutup penyertaan** yang telah selesai dan **diuji cuba sekurang-kurangnya satu (1) bulan**.

BAB 4: TATACARA PENYERTAAN

4.1.1 Setiap penyertaan adalah **WAJIB**:

- a) **Mematuhi syarat-syarat penyertaan** yang telah ditetapkan; dan
- b) Mengemukakan **dokumentasi lengkap secara salinan lembut (*softcopy*) dan salinan keras (*hardcopy*) sebanyak satu (1) unit sahaja**:
 - i. Borang Penyertaan Pertandingan KIK (mengikut kategori);
 - ii. Dokumentasi projek KIK;
 - iii. Slaid pembentangan projek KIK;
 - iv. Video/ Montaj berkaitan projek KIK (sekiranya berkaitan); dan/ atau
 - v. Model replika projek KIK (sekiranya berkaitan).

4.1.2 Borang Penyertaan Pertandingan KIK boleh dimuat turun di laman sesawang KPKT: www.kpkt.gov.my. Borang penyertaan adalah seperti berikut:

- a) **Lampiran A1: Borang Penyertaan Pertandingan KIK KPKT (Kategori Bahagian/ Unit); dan**
- b) **Lampiran A2: Borang Penyertaan Pertandingan KIK KPKT (Kategori Jabatan/ Agensi).**

4.1.3 Format dokumentasi KIK adalah seperti di **Lampiran B1**.

4.1.4 Penyerahan dokumentasi projek KIK adalah seperti berikut:

Salinan lembut (<i>softcopy</i>)	Hendaklah dikemukakan melalui dalam talian/ <i>google drive</i> e-mel atau mana-mana platform bersesuaian.
Salinan keras (<i>hardcopy</i>)	Hendaklah dihantar secara serahan tangan kepada: Unit Inovasi Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Aras 5, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 PUTRAJAYA

4.1.5 **TARIKH TUTUP PENYERTAAN**

Semua penyertaan hendaklah **dikemukakan secara salinan keras dan lembut sebelum atau pada tarikh tutup pelawaan penyertaan yang ditetapkan.**

BAB 5: PENOLAKAN PENYERTAAN

5.1.1 Urus setia berhak **MENOLAK** penyertaan seperti berikut:

- a) Dikemukakan **LEWAT**, iaitu **selepas tarikh tutup penyertaan**, sama ada secara salinan keras dan/ atau salinan lembut.
- b) **Tidak memenuhi syarat-syarat pertandingan** yang telah ditetapkan.
- c) **Tidak mengemukakan** dokumentasi permohonan yang lengkap.
- d) Mengemukakan maklumat **palsu**.

5.1.2 Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan yang **layak** untuk menyertai Konvensyen KIK KPKT adalah **MUKTAMAD**.

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

BAB 6: PENILAIAN PENJURIAN

6.1 KRITERIA PELANTIKAN PANEL HAKIM

- 6.1.1 Penilaian projek KIK adalah dilaksanakan oleh panel hakim yang dilantik oleh KPKT serta mempunyai pengalaman dalam penjurian pertandingan inovasi dan KIK.
- 6.1.2 Panel hakim yang terlibat sebagai perunding/ fasilitator/ penasihat kepada mana-mana kumpulan/ ahli dalam pertandingan akan diminta membuat pengistiharan bertulis supaya tidak menjejaskan kelancaran proses penilaian pertandingan.

6.2 KRITERIA PENILAIAN PROJEK KIK

- 6.2.1 Penilaian ke atas penyertaan KIK yang bertanding dalam Konvensyen KIK KPKT akan dibuat berdasarkan skema pemarkahan yang dikeluarkan oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- 6.2.2 Penilaian dokumentasi dan sesi soal jawab akan dibuat berdasarkan kriteria dengan peruntukan peratusan markah seperti di Jadual 1:

BIL.	KRITERIA	MARKAH (%)
1.	Latar Belakang Projek dan Penglibatan Pihak Pengurusan	4
2.	Signifikan Pemilihan Projek dan Pembuktian	10
3.	Tindakan Penyelesaian dan Pembuktian	23
4.	Keberhasilan Projek: <i>Outcome</i> Projek dan Pembuktian	35
5.	Keberhasilan Projek: Impak Projek dan Pembuktian	18
6.	Potensi Pengembangan Projek	10
JUMLAH		100

Jadual 1: Kriteria Pemarkahan Pertandingan KIK KPKT

- 6.2.3 Maklumat terperinci kriteria penilaian seperti **Lampiran C1**.
- 6.2.4 Keputusan panel hakim di dalam Konvensyen KIK KPKT adalah **MUKTAMAD** dan **SULIT**.

6.3 KRITERIA PEMBENTANGAN PROJEK KIK

- 6.3.1 Pembentangan projek KIK akan dilaksanakan secara **fizikal** mengikut penetapan penggiliran bagi setiap kumpulan.
- 6.3.2 Setiap kumpulan **WAJIB** menyediakan **slaid pembentangan** menggunakan *Microsoft Power Point* atau seumpamanya, yang mana bersesuaian, bagi **menerangkan projek inovasi yang dipertandingkan**. Slaid pembentangan tersebut hendaklah:
- a) **Ringkas, tepat dan padat** untuk menjelaskan projek inovasi;
 - b) Jumlah muka surat slaid **hendaklah tidak melebihi 25 muka surat**; dan
 - c) **Menonjolkan kreativiti** mengikut kumpulan inovasi masing-masing; dan
 - d) Memastikan ia **boleh berfungsi** semasa sesi pembentangan.
- 6.3.3 Setiap kumpulan **digalakkan menyediakan video/ montaj persembahan projek inovasi** masing-masing dan perlu memastikan video/ montaj persembahan tersebut menggunakan peralatan teknikal yang boleh berfungsi dan disediakan dengan baik sebelum berlangsungnya sesi pembentangan.
- 6.3.4 **Tempoh masa** bagi video/ montaj persembahan projek inovasi **hendaklah diambil kira dalam tempoh masa keseluruhan sesi pembentangan projek**.
- 6.3.5 Penilaian panel hakim akan bertumpu kepada **keberhasilan projek** iaitu dari segi **outcome dan impak**. Pelbagai kaedah/ alat penilaian akan digunakan oleh panel hakim bagi penilaian projek-projek yang dipertandingkan.
- 6.3.6 Semasa sesi pembentangan, setiap kumpulan digalakkan untuk menyediakan **dokumen sokongan** sebagai pembuktian, sekiranya perlu.

- 6.3.7 Sesi pembentangan dilaksanakan **secara terbuka** dan setiap kumpulan perlu mematuhi jadual giliran pembentangan yang telah ditetapkan.
- 6.3.8 Keputusan panel hakim di dalam Konvensyen KIK KPKT adalah **MUKTAMAD** dan **SULIT**.
- 6.3.9 Ketetapan masa pembentangan projek KIK dibahagikan seperti di Jadual 2:

PERKARA	MASA (Minit)	CATATAN
Persediaan dan pemasangan peralatan	5	Loceng pertama akan dibunyikan menandakan masa persiapan telah bermula
Sesi pembentangan (termasuk persembahan video/ montaj)	10	Loceng kedua akan dibunyikan pada minit ke 6 menandakan masa pembentangan telah bermula Loceng ketiga akan dibunyikan pada minit ke-10 sebagai peringatan. Loceng keempat akan dibunyikan pada minit ke-15 menandakan masa persembahan telah tamat.
Sesi soal jawab bersama Panel Hakim	15	Loceng akan dibunyikan pada minit ke- 30 menandakan sesi soal jawab telah tamat.
JUMLAH	30	

Jadual 2: Penetapan Masa Pembentangan Projek KIK

BAB 7: PENGIKTIRAFAN

PENGANUGERAHAN DAN HADIAH

Penganugerahan pemenang dan hadiah akan diumumkan dan disampaikan semasa Sambutan Hari Inovasi KPKT.

Anugerah diberikan dalam bentuk monetari dan bukan monetari sebagai insentif yang dapat menggalakkan dan menyemarakkan pembudayaan inovasi dalam kalangan warga KPKT.

Hadiah-hadiah akan dianugerahkan kepada **Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga** berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan WP 5.3 - Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi**.

KATEGORI	PEMENANG	HADIAH BAGI SETIAP PEMENANG
BAHAGIAN/ UNIT	Johan	RM3,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan
	Naib Johan	RM2,000.00 dan Sijil Penghargaan
	Tempat Ketiga	RM1,000.00 dan Sijil Penghargaan
	Saguhati	Sijil Penyertaan
JABATAN/ AGENSI	Johan	RM3,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan
	Naib Johan	RM2,000.00 dan Sijil Penghargaan
	Tempat Ketiga	RM1,000.00 dan Sijil Penghargaan
	Saguhati	Sijil Penyertaan

Jadual 3: Kadar Hadiah Pertandingan KIK KPKT

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

SEKSYEN B

PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI MENTERI KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

1.1 TUJUAN

Selaras dengan usaha Kementerian untuk menggalakkan pembudayaan dan pemeraksanaan inovasi dalam kalangan warga KPKT, pertandingan Anugerah Inovasi Menteri (AIM) KPKT dilaksanakan setiap tahun untuk mengiktiraf mengiktiraf hasil inovasi berimpak tinggi yang dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan KPKT kepada masyarakat. Bagi tujuan tersebut, garis panduan ini dihasilkan dengan tujuan untuk:

- a) Memberikan ringkasan informasi mengenai bidang dan kategori inovasi seperti mana terkandung di dalam **Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) Bil.1/2013: Garis Panduan Mekanisme Program Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam**; dan
- b) Menjelaskan tatacara penyertaan, penilaian dan pengiktirafan bagi pertandingan AIM di KPKT.

1.2 OBJEKTIF

- a) Menggalakkan penciptaan inovasi berimpak tinggi dalam kalangan warga KPKT;
- b) Menggalakkan persaingan yang sihat di antara kumpulan inovasi di bawah KPKT dalam usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui penciptaan inovasi yang kreatif;
- c) Mewujudkan platform yang dapat menggalakkan perkongsian pengetahuan dan kolaborasi antara kementerian, agensi sektor awam dan swasta sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa;
- d) Melazimi dan mengukuhkan amalan kerja berpasukan dan keharmonian antara warga kementerian; dan
- e) Mengiktiraf hasil inovasi dan kreativiti warga KPKT.

BAB 2: INFORMASI AIM

Bidang dan kategori AIM KPKT adalah berdasarkan PKPA Bil. 1/2023: Garis Panduan Mekanisme Pelaksanaan Program Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam. Empat bidang/ trek kategori inovasi melalui konteks Anugerah Inovasi adalah seperti berikut:

TREK SOSIAL

Merujuk kepada projek/ inisiatif yang memberi keberhasilan/ impak kepada keperluan sosial dalam pelbagai peringkat masyarakat.

TREK EKONOMI

Merujuk kepada projek/ inisiatif yang memberi keberhasilan/ impak kepada pembangunan ekonomi rakyat/ negara

TREK INFRASTRUKTUR

Merujuk kepada projek/ inisiatif yang memberi keberhasilan/ impak kepada pembangunan infrastruktur rakyat/ negara.

TREK KESELAMATAN/ PENTADBIRAN

KESELAMATAN:

Merujuk kepada projek/ inisiatif yang memberi keberhasilan/ impak kepada pengurusan keselamatan masyarakat/ organisasi negara.

PENTADBIRAN:

Merujuk kepada projek/ inisiatif yang memberi keberhasilan/ impak kepada pemodenan sistem pentadbiran dan pengurusan organisasi.

Rajah 5: Bidang/ Trek Inovasi

BAB 3: SYARAT- SYARAT PENYERTAAN

- 3.1 Penyertaan adalah **terbuka kepada Kumpulan Inovasi** dari **Bahagian/ Unit/ Jabatan/ Agensi** di bawah KPKT sahaja.
- 3.2 Projek inovasi yang dikemukakan **MESTILAH**:
- a) **Ciptaan asli peserta dan tidak meniru/ meniplak** daripada mana-mana projek/ hasil inovasi lain;
 - b) Projek yang dihasilkan dalam tempoh **tiga (3) tahun terkini** dari tarikh pelawaan pertandingan;
 - c) Projek yang **telah bertanding di dalam Pertandingan KIK KPKT bagi tempoh tiga (3) tahun terkini** dari tarikh pelawaan pertandingan;
 - d) **Bukan projek KIK** yang menyertai pertandingan KIK KPKT pada **tahun yang sama**;
 - e) **Tidak pernah** bertanding di dalam **pertandingan AIM KPKT**;
 - f) Mematuhi **mana-mana bidang/ trek inovasi** iaitu **Trek Sosial, Trek Ekonomi, Trek Infrastruktur atau Trek Keselamatan/ Pentadbiran**;
 - g) Mempunyai **empat (4) kriteria** iaitu **berimpak tinggi, nilai untuk wang, pendigitalan dan kemampanan**.
- 3.3 Pengiraan tempoh **tiga (3) tahun terkini** adalah **tidak termasuk tahun pertandingan dipelawa**.
- 3.4 Setiap projek inovasi yang menyertai pertandingan **digalakkan mempunyai pendaftaran hak cipta dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)** serta **mengemukakan salinan sijil pendaftaran** di dalam dokumentasi projek inovasi masing-masing.
- 3.5 Setiap penyertaan **hendaklah diselaraskan di peringkat Bahagian/ Unit/ Jabatan/ Agensi** masing-masing.
- 3.6 **Ketua Bahagian/ Unit/ Jabatan/ Agensi** bertanggungjawab untuk membuat **pengesahan** dan seterusnya **meluluskan** penyertaan tersebut **sebelum dikemukakan** kepada Urus Setia.

BAB 4: TATACARA PENYERTAAN

4.1 Setiap penyertaan adalah **WAJIB**:

- a) **Mematuhi syarat-syarat penyertaan** yang telah ditetapkan; dan
- b) Mengemukakan **dokumentasi lengkap secara salinan lembut (*softcopy*) dan salinan keras (*hardcopy*) sebanyak satu (1) unit sahaja**:
 - i. Borang Penyertaan Pertandingan AIM KPKT;
 - ii. Dokumentasi projek AIM;
 - iii. Slaid pembentangan projek AIM;
 - iv. Video/ Montaj berkaitan projek AIM (sekiranya berkaitan); dan/ atau
 - v. Model replika projek AIM (sekiranya berkaitan).

4.2 Borang Penyertaan Pertandingan AIM KPKT boleh dimuat turun di laman sesawang KPKT: www.kpkt.gov.my . Borang penyertaan adalah seperti berikut:

Lampiran A3: Borang Penyertaan Pertandingan AIM KPKT

4.3 Format dokumentasi AIM KPKT adalah seperti di **Lampiran B2**.

4.4 Penyerahan dokumentasi projek AIM KPKT adalah seperti berikut:

Salinan lembut (<i>softcopy</i>)	Hendaklah dikemukakan melalui dalam talian/ <i>google drive</i> e-mel atau mana-mana platform bersesuaian.
Salinan keras (<i>hardcopy</i>)	Hendaklah dihantar secara serahan tangan kepada: Unit Inovasi Bahagian Perancangan Strategik Dan Antarabangsa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Aras 5, No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4 62100 PUTRAJAYA

4.1.5 TARIKH TUTUP PENYERTAAN

Semua penyertaan hendaklah **dikemukakan secara salinan keras dan lembut sebelum atau pada tarikh tutup pelawaan penyertaan yang ditetapkan.**

BAB 5: PENOLAKAN PENYERTAAN

- 5.1.1 Urus setia berhak **MENOLAK** penyertaan seperti berikut:
- a) Dikemukakan **LEWAT**, iaitu **selepas tarikh tutup penyertaan**, sama ada secara salinan keras dan/ atau salinan lembut.
 - b) **Tidak memenuhi syarat-syarat pertandingan** yang telah ditetapkan.
 - c) **Tidak mengemukakan** dokumentasi permohonan yang lengkap.
 - d) Mengemukakan maklumat **palsu**.
- 5.1.2 Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan yang **layak** untuk menyertai Konvensyen AIM KPKT adalah **MUKTAMAD**.

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

BAB 6: PENILAIAN PENJURIAN

6.1 KRITERIA PELANTIKAN PANEL HAKIM

- 6.1.1 Penilaian projek AIM adalah dilaksanakan oleh panel hakim yang dilantik oleh KPKT serta mempunyai pengalaman dalam penjurian pertandingan inovasi.
- 6.1.2 Panel hakim yang terlibat sebagai perunding/ fasilitator/ penasihat kepada mana-mana kumpulan/ ahli dalam pertandingan akan diminta membuat pengistiharan bertulis supaya tidak menjejaskan kelancaran proses penilaian pertandingan.

6.2 KRITERIA PENILAIAN PROJEK AIM KPKT

- 6.2.1 Penilaian ke atas penyertaan AIM KPKT yang bertanding dalam Konvensyen AIM KPKT akan dibuat berdasarkan skema pemarkahan seperti di **Lampiran C2**.
- 6.2.2 Penilaian dokumentasi dan sesi soal jawab akan dibuat berdasarkan kriteria dengan peruntukan peratusan markah seperti di Jadual 4:

BIL.	KRITERIA	MARKAH (%)
1.	Berimpak Tinggi	25
2.	Nilai Untuk Wang (<i>Value for Money</i>)	25
3.	Pendigitalan	25
4.	Kemampanan	25
JUMLAH		100

Jadual 4: Kriteria Pemarkahan Pertandingan AIM KPKT

- 6.2.3 Keputusan panel hakim di dalam Konvensyen AIM KPKT adalah **MUKTAMAD** dan **SULIT**.

6.3 KRITERIA PEMBENTANGAN PROJEK AIM KPKT

- 6.3.1 Pembentangan projek AIM KPKT akan dilaksanakan secara **fizikal** mengikut penetapan penggiliran bagi setiap kumpulan.
- 6.3.2 Setiap kumpulan **WAJIB** menyediakan **slaid pembentangan** menggunakan *Microsoft Power Point* atau seumpamanya, yang mana bersesuaian, bagi **menerangkan projek inovasi yang dipertandingkan**. Slaid pembentangan tersebut hendaklah:
- a) **Ringkas, tepat dan padat** untuk menjelaskan projek inovasi;
 - b) Jumlah muka surat slaid **hendaklah tidak melebihi 25 muka surat**; dan
 - c) **Menonjolkan kreativiti** mengikut kumpulan inovasi masing-masing; dan
 - d) Memastikan ia **boleh berfungsi** semasa sesi pembentangan.
- 6.3.3 Setiap kumpulan **digalakkan menyediakan video/ montaj persembahan projek inovasi** masing-masing dan perlu memastikan video/ montaj persembahan tersebut menggunakan peralatan teknikal yang boleh berfungsi dan disediakan dengan baik sebelum berlangsungnya sesi pembentangan.
- 6.3.4 **Tempoh masa** bagi video/ montaj persembahan projek inovasi **hendaklah diambil kira dalam tempoh masa keseluruhan sesi pembentangan projek**.
- 6.3.5 Penilaian panel hakim akan bertumpu kepada **keberhasilan projek** iaitu dari segi **outcome dan impak**. Pelbagai kaedah/ alat penilaian akan digunakan oleh panel hakim bagi penilaian projek-projek yang dipertandingkan.
- 6.3.6 Semasa sesi pembentangan, setiap kumpulan digalakkan untuk menyediakan **dokumen sokongan** sebagai pembuktian, sekiranya perlu.
- 6.3.7 Sesi pembentangan dilaksanakan **secara terbuka** dan setiap kumpulan perlu mematuhi jadual giliran pembentangan yang telah ditetapkan.
- 6.3.8 Keputusan panel hakim di dalam Konvensyen AIM KPKT adalah **MUKTAMAD** dan **SULIT**.

6.3.9 Ketetapan masa pembentangan projek AIM dibahagikan seperti di Jadual 5:

PERKARA	MASA (Minit)	CATATAN
Persediaan dan pemasangan peralatan	5	Loceng pertama akan dibunyikan menandakan masa persiapan telah bermula
Sesi pembentangan (termasuk persembahan video / montaj)	10	Loceng kedua akan dibunyikan pada minit ke-6 menandakan masa pembentangan telah bermula Loceng ketiga akan dibunyikan pada minit ke-10 sebagai peringatan. Loceng keempat akan dibunyikan pada minit ke-15 menandakan masa persembahan telah tamat.
Sesi soal jawab bersama Panel Hakim	15	Loceng akan dibunyikan pada minit ke- 30 menandakan sesi soal jawab telah tamat.
JUMLAH	30	

Jadual 5: Penetapan Masa Pembentangan Projek AIM KPKT

BAB 7: PENGIKTIRAFAN

PENGANUGERAHAN DAN HADIAH

Penganugerahan pemenang dan hadiah akan diumumkan dan disampaikan semasa Sambutan Hari Inovasi KPKT.

Anugerah diberikan dalam bentuk monetari dan bukan monetari sebagai insentif yang dapat menggalakkan dan menyemarakkan pembudayaan inovasi dalam kalangan warga KPKT.

Hadiah-hadiah akan dianugerahkan kepada **Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga** berdasarkan **Pekeliling Perbendaharaan WP 5.3 - Peraturan Mengenai Perbelanjaan Sambutan Hari Inovasi**.

PEMENANG	HADIAH BAGI SETIAP PEMENANG
Johan	RM5,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan
Naib Johan	RM3,000.00 dan Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	RM2,000.00 dan Sijil Penghargaan
Saguhati	Sijil Penyertaan

Jadual 6: Kadar Hadiah Pertandingan AIM KPKT

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

SEKSYEN C

PENGEMBANGAN PROJEK INOVASI KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

Seiring usaha Kementerian mempergiat pembudayaan inovasi dalam kalangan warga, projek-projek inovasi yang **terbaik** dan **telah memenangi pertandingan inovasi KPKT** serta mana-mana projek inovasi yang **berpotensi untuk diperkembangkan** akan diangkat kepada **pertimbangan dan kelulusan** Jawatankuasa Sandbox KPKT (JSKPKT) untuk ke peringkat selanjutnya.

Pengembangan projek-projek inovasi ini termasuklah seperti permohonan dana dari Jabatan/ Agensi Kerajaan/ Swasta bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan, penambahbaikan produk/ perkhidmatan, pengujian, pengeluaran, pengkomersialan atau kolaborasi bersama-sama pembekal/ pengeluar produk.

1.1 KRITERIA PERMOHONAN

Bagi tujuan tersebut, projek-projek inovasi yang **boleh memohon** hendaklah **memenuhi mana-mana salah satu daripada kriteria asas yang ditetapkan di perenggan 1.1.1** dan **memenuhi kriteria tambahan yang ditetapkan di perenggan 1.1.2** seperti berikut:

1.1.1 Kriteria Asas Permohonan:

- a) Projek-projek inovasi yang **telah memenangi pertandingan inovasi KPKT dalam tempoh 3 tahun terkini**; atau
- b) Projek-projek inovasi yang **melebihi tempoh 3 tahun terkini** tetapi **telah membuat penambahbaikan yang meningkatkan kebolehpayaan produk/ perkhidmatan seiring perubahan teknologi**; atau
- c) Projek-projek inovasi yang **diperakui Ketua Jabatan** sebagai **mempunyai potensi tinggi untuk diperkembangkan**.

1.1.2 Kriteria Tambahan Permohonan:

- a) Projek inovasi hendaklah **memenuhi mana-mana bidang keutamaan yang ditetapkan di dalam Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE)**;
- b) Inovasi berada **sekurang-kurangnya di tahap 1 Technology Readiness Level (TRL)**;

- c) Inovasi **telah mempunyai pendaftaran Hak Cipta dan/ atau Harta Intelekt**, berserta pembuktian; dan/ atau
- d) Bagi inovasi yang **telah mempunyai kolaborasi bersama syarikat**, hendaklah syarikat tersebut **memiliki teknologi yang dibangunkan**.

1.2 JAWATANKUASA SANDBOX KPKT (JKSKPKT)

Dipengerusikan oleh **Ketua Setiausaha KPKT** dan berperanan sebagai **pemudahcara pelaksanaan *National Technology and Innovation Sandbox (NTIS)*** dan **menilai kebolehlaksanaan produk/ perkhidmatan / teknologi baharu di KPKT yang memerlukan intervensi dan fasilitasi** daripada pihak pengurusan Kementerian dan badan pengawalselia yang berkaitan.

1.2.1 Peranan JKSKPKT


Fungsi Utama

- a) Menilai, mengenalpasti dan mencalonkan produk/ teknologi/ perkhidmatan hasil penyelidikan dan pembangunan atau inovasi warga KPKT untuk diperkembangkan bagi proses Sandbox;
- b) Mengenalpasti agensi-agensi pengawalseliaan yang berkaitan di bawah KPKT dalam memudahcara projek-projek NTIS;
- c) Menjadi pemudahcara untuk mengesyorkan produk/ teknologi/ perkhidmatan hasil penyelidikan dan pembangunan atau inovasi warga Kementerian yang layak kepada Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan dalam perolehan Kerajaan atau penerimgunaan/ pengadaptasian produk/ teknologi/ perkhidmatan di Kementerian;
- d) Menyediakan khidmat nasihat, bantuan intervensi dan fasilitasi kepada projek-projek NTIS mengikut skop dan bidang kuasa di bawah KPKT;
- e) Menilai dan memilih projek-projek KIK/ AIM KPKT yang berpotensi untuk dikomersialkan bagi fasiliti Sandbox; dan
- f) Lain-lain perkara berbangkit mengenai inisiatif inovasi dan NTIS di KPKT.

Fungsi Tambahan (pelaksanaan berdasarkan keperluan/ permohonan dari NTIS)

- a) Menyemak dan meneliti semula Akta/ Peraturan sedia ada secara berkala mengikut keperluan perkembangan teknologi semasa; dan
- b) Menilai dan memberikan kelulusan bagi “pengecualian sementara” untuk tujuan pengujian dan pengesahan teknologi melalui Sandbox NTIS.

1.2.2 Kriteria permohonan ke JKSKPKT disertakan di **Lampiran C3**.



Rajah 6: Pengembangan Projek Inovasi KPKT

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN



Rangka Kerja 10-10 MySTIE

Sektor Sosioekonomi:



Pemacu Teknologi:




Sumber: MRANTI

Rajah 7: Rangka Kerja 10-10 MySTIE

MALAYSIA COMMERCIALISATION YEAR 2.0

- Technology Readiness Level (TRL) system is designed by NASA to evaluate and determine technology maturity and commercial readiness on a scale of TRL 1 to TRL 9.




Sumber: Laman Sesawang MOSTI

Rajah 8: Technology Readiness Level (TRL)

MALAYSIA COMMERCIALISATION YEAR 2.0

Technology Readiness Level (TRL)



Sumber: Laman Sesawang MOSTI

Rajah 9: Technology Readiness Level (TRL)

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN

SENARAI LAMPIRAN

INOVASI
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN